

# Sasar sistem bayar tanpa tunai 2019

**Kerajaan** menyasar Sistem Pembayaran Tanpa Tunai Bersepadu (ICPS) dilaksanakan sepenuhnya oleh semua perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang menjelang 2019.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata ia akan memudahkan warga kota melakukan perjalanan di sekitar Lembah Klang.

“Ia dijangka dilaksanakan sepenuhnya di perkhidmatan LRT, MRT, Monorail, KTM Komuter dan bas dalam bandar,” katanya ketika menjawab soalan Che Mohamad Zulkifly Jusoh (BN-Setiu) pada Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri di persidangan Dewan Rakyat semalam.

Mohamad Zulkifly ingin tahu perancangan kementerian memastikan pembangunan projek pengangkutan awam dapat menawarkan perkhidmatan lancar dan mampu dibayar pengguna.

Liow berkata, setakat ini kira-kira 300 bas perantara disediakan semua stesen MRT laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) sejak sistem pengangkutan itu beroperasi sepenuhnya 17 Julai lalu.

**BERNAMA**